

Tarikh Dibaca: 02 NOV 2018M | 24 SAFAR 1440H



KHUTBAH JUMAAT

Tajuk:

“MEMPERKASAKAN WAKAF TUNAI”

Terbitan:

Unit Khutbah

Bahagian Pengurusan Masjid

JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR



SENARAI AHLI JAWATANKUASA KHUTBAH NEGERI SELANGOR

1. **SS. Dato' Haji Haris Bin Kasim** (Pengerusi)
Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor
2. **Tuan Haji Mohd Basori Bin Umar** (Ahli)
**Mantan Timbalan Pengarah,
Jabatan Agama Islam Selangor**
3. **Ketua Penolong Pengarah,** (Setiausaha)
**Bahagian Pengurusan Masjid,
Jabatan Agama Islam Selangor**
4. **SS. Dato' Dr. Haji Anhar Bin Haji Opir** (Ahli)
Timbalan Mufti, Jabatan Mufti Negeri Selangor
5. **Ustaz Muhammad Farhan Bin Wijaya** (Ahli)
Imam Besar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
6. **Ustaz Indera Shahril Bin Mohd Shahid** (Ahli)
Pegawai Majlis Agama Islam Selangor
7. **Tuan Haji Abdul Halem Hapiz Bin Salihin** (Ahli)
**Ketua Penolong Mufti (Fatwa),
Jabatan Mufti Negeri Selangor**
8. **Dato' Haji Abdul Majid Bin Omar** (Ahli)
Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor
9. **Yg. Berbahagia Dr. Haji Osman Bin Haji Sabran** (Ahli)
Mantan Pensyarah Universiti Industri Selangor
10. **Tuan Haji Hamid Bin Md Isa** (Ahli)
Pensyarah, Kolej Universiti Islam Selangor
11. **Tuan Haji Md. Sahari Bin Abdullah** (Ahli)
Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor
12. **Hairol Azmi Bin Khairudin** (Urus Setia)
**Penolong Pengarah (Unit Khutbah)
Bahagian Pengurusan Masjid**



“MEMPERKASAKAN WAKAF TUNAI”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: الَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِالْغَيْبِ وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَمِمَّا
رَزَقْنَاهُمْ يُنْفِقُونَ¹ ﴿٣﴾
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ
مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا
أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ
فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا
اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Marilah kita meningkatkan ketakwaan kehadiran Allah SWT dengan menunaikan segala perintah-Nya serta meninggalkan segala larangan-Nya, semoga kita beroleh kejayaan di dunia hingga ke akhirat.

Salah satu daripada ciri-ciri orang bertakwa adalah mereka yang menginfakkan hartanya ke jalan Allah SWT. Sehubungan itu, khutbah hari ini akan membicarakan mengenai “MEMPERKASAKAN WAKAF TUNAI.”

Sebelum meneruskan khutbah ini, khatib ingin mengingatkan sidang hadirin sekalian akan pesanan Rasulullah SAW supaya dapat menumpukan perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak bercakap-cakap

¹ Al-Baqarah : 3.



serta tidak melakukan perkara yang sia-sia. Ini termasuk membuka telefon bimbit ketika khatib sedang menyampaikan khutbah.

Hadirin yang dikasihi Allah SWT,

Wakaf memainkan peranan penting dalam membangunkan insan dibawah kategori infaq dan sedekah jariah. Seseorang yang mewakafkan harta yang disayanginya akan mendidik jiwanya menjadi seorang yang berjaya mengikis sifat bakhil dan kedekut. Seterusnya menghayati sikap timbangrasa, memperteguhkan persaudaraan dan menanam kefahaman menjadikan harta, sebagai jambatan yang akan menyampaikannya kepada keredhaan Allah SWT. Firman Allah SWT dalam surah Ali-Imran ayat 92:

لَنْ تَنَالُوا الْبِرَّ حَتَّى تُنْفِقُوا مِمَّا تُحِبُّونَ ۚ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ فَإِنَّ اللَّهَ بِهِ عَلِيمٌ ﴿٩٢﴾

"Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebajikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu dermakan sebahagian dari apa yang kamu sayangi. Dan sesuatu apa jua yang kamu dermakan maka sesungguhnya Allah mengetahuinya."

Ayat ini menerangkan bahawa seseorang itu akan mendapat keredhaan dan anugerah Allah sekiranya mereka mampu menyumbangkan harta yang amat disayanginya, kerana sumbangan itu akan mendapat ganjaran Allah berdasarkan niat dan tujuan yang tersemat dihatinya.

Muslimin sekalian,

Salah satu jenis wakaf yang amat diperlukan pada masa ini adalah wakaf tunai, iaitu berwakaf dengan wang tunai. Ia adalah sesuatu yang kurang dimaklumi secara meluas, kerana sebahagian kita lebih memahami bahawa wakaf adalah melalui penyerahan tanah dan bangunan sahaja. Dari



segi hukum, menurut keputusan Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor bahawa wakaf tunai adalah diharuskan.

Matlamat utama berwakaf dengan wang tunai adalah untuk memberi kemudahan kepada pewakaf untuk menginfakkan harta mengikut kemampuan. Ia dapat mendidik sikap kerjasama berkonsepkan semangat gotong-royong dan saling bantu membantu. Hasil pengumpulan wakaf wang tunai, lebih mudah disalurkan bagi kepentingan agama Islam, kebajikan dan pembangunan sosio ekonomi ummah. Wang tunai juga diperlukan bagi membangunkan tanah-tanah yang telah diwakafkan, supaya pewakaf lebih cepat mendapat ganjaran pahala dan penerima wakaf dapat manfaatnya.

Allah SWT telah menjanjikan ganjaran yang besar kepada mereka yang menginfakkan harya, sebagaimana Nabi SAW menyatakan bahawa ganjaran pahala bagi orang-orang yang berwakaf tidak akan terputus walaupun setelah meninggal dunia.

Hadis daripada Abu Hurairah Radhiallahu Anhu berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda :

إِذَا مَاتَ الْإِنْسَانُ انْقَطَعَ عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثٍ؛
إِلَّا مِنْ صَدَقَةٍ جَارِيَةٍ أَوْ عِلْمٍ يُنْتَفَعُ بِهِ أَوْ وَلَدٍ
صَالِحٍ يَدْعُو لَهُ

"Apabila mati anak Adam (manusia), maka terputuslah amalannya kecuali tiga perkara iaitu sedekah jariah (wakaf), ilmu yang bermanfaat dan anak soleh yang mendoakannya".

(Riwayat Muslim).



Sehubungan dengan itu, Jabir Radhiallahu Anhu seorang sahabat Rasulullah SAW menyatakan bahawa amalan berwakaf telah menjadi budaya para sahabat Rasulullah SAW.

Justeru itu, kita sebagai umat Nabi Muhammad SAW yang telah di anugerahkan rezeki daripada Allah SWT, dapat kiranya mengikuti jejak langkah para sahabat baginda untuk mewakafkan sebahagian pendapatan kita sebagai tanda syukur atas nikmat yang dikurniakan Allah kepada kita.

Hadirin sidang Jumaat sekalian,

Majlis Agama Islam Selangor melalui Perbadanan Wakaf Selangor telah menyediakan beberapa kemudahan untuk membantu masyarakat Islam berwakaf dengan wang tunai, antaranya berwakaf melalui perkhidmatan bank-bank tempatan, menyumbang terus ke dalam tabung wakaf yang ditempatkan di masjid-masjid dan membuat potongan gaji. Dana wakaf yang terkumpul dari wakaf tunai ini akan disalurkan kepada pembinaan masjid, surau, sekolah, kemudahan perubatan, pembangunan hartanah, pembinaan institusi pendidikan dan berbagai jenis manfaat lagi.

Untuk makluman Jemaah sekalian, hasil sumbangan wakaf yang diterima sebelum ini telah dapat dimanfaatkan, antaranya membina 57 buah masjid, 56 buah surau serta 32 buah sekolah dan lain-lain lagi.

Ini bertepatan dengan peringatan Allah SWT supaya kita sentiasa menginfaqkan harta dengan cara berwakaf, sedekah dan sebagainya semasa hayat masih ada, seperti firman-Nya dalam surah al-Munafiqun ayat 10:



وَأَنْفِقُوا مِنْ مَّا رَزَقْنَاكُمْ مِنْ قَبْلِ أَنْ يَأْتِيَ أَحَدَكُمُ الْمَوْتُ
فَيَقُولَ رَبِّ لَوْلَا أَخَّرْتَنِي إِلَىٰ أَجَلٍ قَرِيبٍ فَأَصَّدَّقَ وَأَكُن مِّنَ
الصَّالِحِينَ ﴿١٠٠﴾

"Dan belanjakanlah (dermakanlah) sebahagian dari rezeki yang Kami berikan kepada kamu sebelum seseorang dari kamu sampai ajal maut kepadanya, (kalau tidak) maka ia (pada saat itu) akan merayu dengan katanya: "Wahai Tuhanku! Alangkah baiknya kalau Engkau lambatkan kedatangan ajal matiku - ke suatu masa yang sedikit sahaja lagi, supaya aku dapat bersedekah dan dapat pula aku menjadi orang-orang yang soleh."

Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,

Sesungguhnya wakaf berbentuk wang tunai telah lama dilaksanakan di beberapa buah Negara Islam di dunia. Sebagai contoh pada tahun 1533, kaedah wakaf tunai sangat popular dan diterima pakai oleh masyarakat Islam di Istanbul, Turki. Ia bukan sahaja untuk keagamaan, tetapi turut membiayai infrastruktur perbandaran kerajaan Uthmaniah seperti pembinaan jalanraya, jambatan, pusat perdagangan dan lain-lain lagi.

Di Amerika Syarikat, yayasan yang mentadbir harta umat Islam telah melaksanakan wakaf tunai semenjak tahun 1971. Hasilnya dapat membeli bangunan untuk dijadikan masjid, sekolah, kolej dan sebagainya.

Di Singapura, wakaf tunai telah diperkenalkan semenjak tahun 1972. Lebih 200 ribu pekerja muslim telah membuat potongan gaji mereka melalui majikan untuk disalurkan kepada Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS), maka terkumpul lebih kurang 7 juta dolar setahun untuk pembinaan masjid dan aktiviti keagamaan.



Sejarah merakamkan ketika tertubuhnya Kolej Islam Malaya di Klang, selain bangunan Istana yang diwakafkan oleh Almarhum Sultan Hishamuddin Alam Shah, sumbangan wang tunai juga diterima daripada beberapa dermawan termasuk daripada kerajaan Saudi Arabia, Kuwait, Bahrain, Mesir, Brunei serta perseorangan hingga pusat pendidikan Islam terulung ini dapat menjalankan operasinya dengan jaya. Demikianlah peranan wakaf termasuk wang tunai, memainkan peranan penting kea rah pembangunan insan.

Hadirin Jumaat yang mulia,

Sesungguhnya harta yang kita wakafkan akan menambah amalan kita untuk menghadapi kesengsaraan hari akhirat. Diriwayatkan daripada Abu Hurairah Radhiallahu Anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ مِمَّا يَلْحَقُ الْمُؤْمِنَ مِنْ عَمَلِهِ وَحَسَنَاتِهِ بَعْدَ
مَوْتِهِ عِلْمًا عَلَّمَهُ وَنَشَرَهُ، وَوَلَدًا صَالِحًا تَرَكَهُ،
وَمُصْحَفًا وَرَّثَهُ، أَوْ مَسْجِدًا بَنَاهُ، أَوْ بَيْتًا لِابْنِ
السَّبِيلِ بَنَاهُ، أَوْ نَهْرًا أَجْرَاهُ، أَوْ صَدَقَةً أَخْرَجَهَا مِنْ
مَالِهِ فِي صِحَّتِهِ وَحَيَاتِهِ، يَلْحَقُهُ مِنْ بَعْدِ مَوْتِهِ

"Sesungguhnya antara perkara-perkara yang akan mengiringi seseorang mukmin daripada amalan dan kebaikan, selepas kematiannya ialah ilmu yang diajarkan dan disebarkan kepada orang lain, anak soleh yang ditinggalkan, al-Quran yang diwariskan, masjid-masjid yang dibina, rumah-rumah musafir yang didirikan, anak-anak sungai yang dialirkan, atau sedekah yang dikeluarkan daripada hartanya ketika masih sihat dan hidup dan akan mengiringinya selepas kematiannya".

(Riwayat Ibnu Majah).



Muslimin sekalian,

Mengakhiri khutbah hari ini, marilah kita bersama-sama menghayati saranan berikut:

1. Umat Islam mestilah yaki bahawa wakaf adalah suatu amalan yang dituntut oleh Islam dan akan memperoleh ganjaran pahala yang besar di akhirat kelak.
2. Umat Islam hendaklah memahami bahawa wakaf bukan sahaja untuk tanah kubur, masjid dan sekolah agama, tetapi juga segala harta yang memberi manfaat kepada agama dan ummah.
3. Umat Islam hendaklah bersama-sama memperkasakan wakaf wang tunai secara berterusan termasuk membuat potongan gaji bulanan kepada Perbadanan Wakaf Selangor.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَمَا يَفْعَلُوا مِنْ خَيْرٍ فَلَنْ يُكْفَرُوا^{قُلْ} وَاللَّهُ عَلِيمٌ بِالْمُتَّقِينَ



“Dan apa sahaja kebajikan yang mereka kerjakan, maka mereka tidak sekali-kali akan diingkari (atau disekat dari mendapat pahalanya). Dan (ingatlah), Allah sentiasa mengetahui akan keadaan orang-orang yang bertaqwa.”

(Ali-Imran : 115).



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي
وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ
مَنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

Majid/Nurul

15.10.2018



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ
لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ
وَصَحْبِهِ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا
بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ
بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Mimbar Jumaat sekali lagi berpesan supaya kita sentiasa bertakwa kepada Allah SWT dan menyedari bahawa Islam mengajar kita supaya bersikap sederhana dalam segala amalan. Kita amatlah dituntut agar menampilkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi kerana Rasulullah SAW diutus untuk menyempurnakan akhlak dan sebagai rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam. Oleh itu marilah kita sentiasa memperbanyakkan selawat dan salam ke atas Nabi kita Muhammad SAW. Firman Allah SWT:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا
صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.



اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ
الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ
وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ
مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ يَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ أَعِزِّ
الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ
وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَانصُرْنَا
عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ،
وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ
تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ
الصِّمْدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ
سَلَاطُورِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج،
ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه
الحاج. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهُدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ،
وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سَلَاطُورِ،
تَغْكَو أَمِيرِ شَاهِ، ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس



شاه الحاج، فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ
يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطِلْ عُمْرَهُمَا،
مُصْلِحِينَ لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ
مَقاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkeadilan dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai ketua agama Islam di negeri ini.

Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman dan pegangan kami kepada Ahli Sunnah Wal-Jamaah, terimalah amalan soleh kami, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, satukanlah hati-hati kami, kurniakanlah kami rezeki yang luas lagi barakah, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, lindungilah kami daripada bala bencana dan peliharalah kami daripada ajaran yang terkeluar daripada Islam seperti Qadyani dan ajaran sesat seperti Syiah, serta ajaran-ajaran lain yang difatwakan menyeleweng dari ajaran Islam atau bertentangan dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Ya Allah bukannya hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf dan menginfaqkan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor.



رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا
لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الآخِرَةِ
حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ
وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ
تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ
يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ
أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.
